4.3 You may, at any time, terminate the Service by giving notice of such termination via the Mobile Payment App only. If you have any Available Balance in the Account, you must ensure that you provide to TNGD the correct bank account details and any other information as may be required by TNGD to enable TNGD to process the termination of the Service and refund the Available Balance to your bank account within fourteen (14) working days. If you do not have any Available Balance in the Account, the Service shall be deemed to be terminated immediately upon receipt of the termination notice by TNGD via the Mobile Payment App.

**5. Consequences of Termination / Suspension**

5.1 Upon termination of the Service by TNGD pursuant to Clause 4.2, TNGD may notify you of such termination whereupon, you must ensure that you provide to TNGD the correct bank account details and any other information as may be required by TNGD to enable TNGD to refund the Available Balance to your bank account within fourteen (14) working days or within twelve (12) working days upon receipt of the correct bank account details and any other information as may be required by TNGD.

5.2 If TNGD terminates or suspends the Service or any part thereof pursuant to Clause 4, TNGD shall not be obliged to refund the Available Balance until and unless clearance has been obtained from the relevant authorities, if applicable.

5.3 TNGD shall not be liable for any losses or damages suffered by you due to any incorrect banking information provided by you.

5.4 The provisions of this Clause 5 are without prejudice to TNGD's other rights and remedies under these Terms and Conditions or at law.

## 6. Reactivation

6.1 In the event the Account and/or Service has been suspended and you request for reactivation of the same, TNGD may at its absolute discretion reactivate the Account.

## 7. Refund or Adjustment Due to Error

7.1 If you discover any error or discrepancy in your Account, you must contact the CSA within thirty (30) days from the date of the disputed transaction, failing which, you shall be deemed to have accepted the accuracy of your Transaction. If it is revealed in the course of TNGD's investigation that the disputed Transaction was indeed made in error, TNGD will refund the disputed sum directly to your Account upon completion of the investigation which will not exceed thirty (30) days from your complaint. TNGD reserves its right not to refund any disputed amount to you if TNGD believe you acted contrary to these Term and Conditions.

7.2 Notwithstanding the above, any refund by TNGD shall not, in and of itself, amount to completion of the investigation. TNGD may refund such sums to your Account based on preliminary investigation results. Upon the completion of the full investigation, if it is discovered that you are not entitled to the refund, TNGD may, in their sole discretion, either adjust your account and deduct the refunded sums from your Account or claim such sums from you.

7.3 In the event any incorrect sum was deducted from your Account, TNGD shall have the right(s) to make the necessary adjustment or deduction from your Account as required.

## 8. Liability

8.1 This Service is provided on an "as is" and "as available" basis. TNGD disclaims all liability and makes no express or implied representation or warranties of any kind in relation to the Service including but not limited to:-

(a) availability, accessibility, timeliness and uninterrupted use of the Service; and

(b) sequence, accuracy, completeness, timeliness or the security of any data, information provided to you as part of the Service.

8.2 TNGD will use reasonable endeavours to ensure that the Service is secured and cannot be accessed by unauthorised third parties.

8.3 You shall be solely responsible for any and all consequences of use or misuse of your Account, login credentials, and/or security credentials. You shall be responsible for all losses and payments (including the amount of any transaction carried out without your authority) due to your negligence or where you have acted fraudulently. For the purposes of this clause negligence shall be deemed to include failure to observe any of your security duties referred to in these Terms and Conditions.

8.4 However, you will not be liable for any losses caused by system glitches, technical errors or other operational issues encountered at TNGD, toll operators, merchants or other relevant parties involved in the provision of this Service.

8.5 TNGD shall not be liable or responsible to you and / or to any other third party(s) for any costs, loss, or damages (whether direct or indirect), or for loss of revenue, loss of profits or any consequential loss whatsoever as a result of your usage of the Service including but not limited to:-

(a) your Account being hacked and/or theft of your login credentials and/or security credentials; and/or

(b) any resulting dispute between you and TNGD's merchant over any aspect thereof, including, but not limited to, issues relating to quality, merchantability, fitness for use, quantity, or delivery; and/or

(c) resulting from the purchase or investment in any financial products, which shall include the principal sum of such purchase or investment of financial products; and/or

(d) resulting from the exercise of TNGD's rights in these Terms and Conditions and/or which arise from your default.

8.6 Notwithstanding anything to the contrary contained herein, the maximum liability of TNGD shall not exceed in aggregate the sum of Ringgit Malaysia Three Thousand (RM3,000.00) only or an amount equivalent to the aggregate sum of the Available Balance and deposit (if any) of your Account at the date on which your claim arises, whichever is the lesser.

## 9. Indemnity

9.1 You shall indemnify and shall keep indemnified TNGD from any loss, damage, liability or expense, arising from any claims for libel, invasion of privacy, infringement of copyright, patent, breach of confidence or privilege or breach of any law or regulation whatsoever arising from the breach of these Terms and Conditions, the use of the Account and Service, content transmitted, received or stored via the Service or part thereof and for all other claims arising out of any act or omission of your or any unauthorised use or exploitation of the Services or part thereof.

9.2 You hereby agree to fully indemnify and to hold TNGD harmless from and against any claim brought by a third party resulting from your use of the Account, Service and TNGD's website and in respect of all losses, costs, actions, proceedings, claims, damages, expenses (including reasonable legal costs and expenses), or liabilities, whatsoever suffered, or incurred directly or indirectly by TNGD in consequence of such use of the Account, Service and TNGD's website, and/or your breach or non-observance of any of these Terms and Conditions and/or the terms and conditions of the TNG Card and/or any applicable terms and conditions of any new services which TNGD may provide from time to time.

9.3 You shall defend and pay all costs, damages, awards, fees (including any reasonable legal fees) and judgments awarded against TNGD arising from the above claims, and shall

provide TNGD with notice of such claims, full authority to defend, compromise or settle such claims, and reasonable assistance necessary to defend such claims, at your sole expense.

**10. Governing Law**

10.1 These Terms and Conditions are governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia, and you hereby submit to the exclusive jurisdiction of the Malaysian courts.

**11. Force Majeure**

11.1 Without limiting the generality of any provision in these Terms and Conditions, TNGD shall not be liable for any failure to perform its obligations herein caused by an act of God, insurrection or civil disorder, military operations or act of terrorism, all emergency, acts or omission of Government, or any competent authority, labour trouble or industrial disputes of any kind, fire, lightning, subsidence, explosion, floods, acts or omission of persons or bodies for whom TNGD has no control over or any cause outside TNGD's reasonable control.

11.2 The Service may occasionally be affected by interference caused by objects beyond TNGD's control such as buildings, underpasses and weather conditions, electromagnetic interference, equipment failure or congestion in Mobile Payment System. In the event of such interference, TNGD shall not be responsible for any inability to use or access the Service, interruption or disruption of the Service.

**12. Amendment and Modification of Terms and Conditions**

12.1 TNGD reserves the right at its absolute discretion, from time to time, to vary, add to, delete or otherwise amend these Terms and Conditions or any part thereof by giving you twenty-one (21) days prior notice of such changes, additions or deletions. Your continued use of the Service after the effective date of any variation, addition, deletion or amendments to these Terms and Conditions shall constitute your unconditional acceptance of such variation, addition, deletion or amendments. You are advised to visit the TNGD's website from time to time to keep updated of the latest variation to these Terms and Conditions (if any).

12.2 The fees and charges imposed by TNGD pursuant to the Terms and Conditions may change from time to time. TNGD shall notify you of any changes to the fees and charges imposed by TNGD giving no less than twenty-one (21) days' prior to the effective date of the said changes to the fees and charges.

**12A. New Services**

12A.1 TNGD may, at its sole and absolute discretion provide you with new services from time to time, and these new services will be governed by these Terms and Conditions and the terms and conditions of the respective new services.

**13. Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing And Proceeds Of Unlawful Activities Act 2001 (AMLATFPUAA) & Financial Services Act 2013 (FSA).**

13.1 TNGD acknowledges that the document or information collected by TNGD from you relating to your affair or account as a customer of TNGD will be only used and/or disclosed in accordance to the secrecy provisions under the Financial Services Act 2013 (FSA).

13.2 TNGD, its subsidiaries and officers shall comply in all material respects with the all applicable laws, regulations, guidelines and policies relating to AMLATFPUAA, including all, Regulations and Rules.

13.3 Without limiting the generality of the foregoing, to the extent required by the AMLATFPUAA, TNGD shall (a) maintain an anti-money laundering and anti-terrorism financing compliance program that is in compliance, in all material respects, with the AMLATFPUAA, (b) conduct, in all material respects, the due diligence required under the AMLATFPUAAin connection with the use of the Account, including with respect to the origin of the funds used by you to reload into the Account and (c) maintain sufficient information to identify you for purposes of compliance, in all material respects, with the AMLATFPUAA.

13.4 In the event your Account is ceased, terminated or suspended by TNGD due to fraudulent, illegal or unlawful transactions including but not limited to breaches of any law (including but not limited to the Financial Services Act 2013 and/or AMLATFPUAA or any regulation and/or guidelines made thereunder), you shall not be entitled to obtain any refund of the monies and all reload monies whatsoever in the Account and it shall be lawful for TNGD to retain for an indefinite period or release to the relevant authorities all monies in the Account in accordance with applicable legislation, regulation and/or guidelines. You shall not be entitled to claim any form of compensation for any loss arising therefrom from TNGD.

## 14. Intellectual Property Rights

14.1 All trademarks and other intellectual property rights used in relation to the Services belong to TNGD.

14.2 You acknowledge and agree that all trademarks and other intellectual property rights relating to the Services or any part thereof, whether presented to you by TNGD, advertisers or any third party are protected by copyrights, trademarks, service marks, patents, or other proprietary rights and laws and all TNGD's rights therein are expressly reserved.

## 15. Service of Notice

15.1 TNGD may, in its sole discretion, serve you notice under these Terms and Conditions by posting such notice on the TNGD's website or any other online or other medium, which TNGD may introduce from time to time.

## 16. Severability and Effect of Terms and Conditions

16.1 If any of the provisions herein contained should be invalid, illegal or unenforceable under any applicable law, the legality and enforceability of the remaining provisions shall not be affected or impaired in any way and such invalid, illegal or unenforceable provision shall be deemed deleted.

**17. Waiver**

17.1 TNGD's failure to exercise any particular right or provision of these Terms and Conditions shall not constitute a waiver of such right or provision, unless acknowledged and agreed to by TNGD in writing.

**18. Assignment**

18.1 You shall not assign or in any other way transfer your rights or obligations under these Terms and Conditions or part thereof. TNGD may assign these Terms and Conditions in whole or in part to any third party at its discretion.

**19. Language**

19.1 These Terms and Conditions are also available in the Bahasa Malaysia language. In the event of any inconsistency, conflict, ambiguity or discrepancy between the English version and the Bahasa Malaysia version or any other version of these Terms and Conditions, the English version of these Terms and Conditions shall prevail.

**20. Binding Effect**

20.1 These Terms and Conditions shall be binding upon Your successors and permitted assigns. These Terms and Conditions shall be binding upon and enure to the benefit of TNGD's respective successors in title and assigns.

**21. Monetary Authority of Singapore**

21.1 The provision of the Services does not require the approval of Monetary Authority of Singapore ("MAS") to operate. Pursuant thereto, any recourse, queries and/or clarification shall be addressed directly to TNGD and not MAS.

**22. Inquiries or Complaints**

22.1 For further information, enquiries or complaint on the Service, you may contact the CSA at +603 5022 3888.

22.2 If the reply to your query or complaint is not satisfactory to you, you may contact the following bodies:

Bank Negara Malaysia
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Ground Floor, D Block,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur

Contact Centre (BNMTELELINK)
Tel : 1-300-88-5465
(Overseas: 603-2174-1717)
Fax: 603-2174-1515

Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

Ombudsman for Financial Services (664393P)
(formerly known as Financial Mediation Bureau)
14th Floor, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.

**[End of Terms And Conditions - English Version]**

## PENGGUNA TERMA-TERMA DAN SYARAT- SYARAT (VERSI BAHASA MALAYSIA)

Perkhidmatan ini (yang didefiniskan selepas ini) disediakan oleh TNG Digital Sdn Bhd, No. Pendaftaran: 201701042478 (1256651-M) ("**TNGD**") tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat didalam ini ("**Terma-terma dan Syarat-syarat**"). Anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami sepenuhnya Terma-terma dan Syarat-syarat ini sebelum anda mengakses dan menggunakan Perkhidmatan ini. Dengan mengaktifkan dan menggunakan Perkhidmatan ini, anda telah menerima, tanpa syarat, Terma-terma dan Syarat-syarat tersebut yang mungkin dipinda oleh TNGD dari masa ke semasa. Sekiranya anda membenarkan orang lain untuk mengakses Perkhidmatan tersebut dengan menggunakan Akaun anda, mereka juga adalah terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Jika anda tidak bersetuju dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, sila jangan teruskan dengan proses pendaftaran atau Pengaktifan.

### Definisi- Definisi

Untuk tujuan kesemua Terma dan Syarat tersebut, terma-terma berikut mempunyai makna sebagaimana yang didefinisikan di bawah:-

| | |
|---|---|
| **"Akaun"** | bermaksud Akaun Pembayaran Mudah Alih ("MA") yang dibuka dengan TNGD semasa anda mendaftar untuk Perkhidmatan tersebut; |
| **"Had Akaun"** | bermaksud had maksimum bagi Akaun tersebut berjumlah Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) sahaja, Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sahaja, atau Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) sahaja, yang mana berkenaan. TNGD berhak untuk menyemak semula Had Akaun tersebut; |
| **"Pengaktifan"** | bermaksud pada masa dimana Perkhidmatan tersebut diaktifkan dalam Sistem Pembayaran MA; |
| **"Alipay Connect"** | bermaksud ciri dalam TNG eWallet yang membolehkan anda membuat pembayaran kepada peniaga terpilih di luar negara dengan menggunakan TNG eWallet anda. |
| **"AMLATFPUAA"** | bermaksud Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 termasuklah undang-undang subsidiari, garis panduan, polisi dan mana-mana dokumen yang serupa dengannnya yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa persekutuan atau tempatan yang berkenaan dan peruntukan undang-undang merangkumi statut-statut dan peruntukan-peruntukan sepertimana yang diubahsuai, disahkan semula atau digubal semula; |

| | |
|---|---|
| **“Auto Debit”** | bermaksud perkhidmatan di mana Pengguna memberi arahan kepada TNGD melalui Touch ‘n Go eWallet memohon dan/atau memberi kuasa kepada TNGD untuk mengutip bayaran dalam amaun berbeza (tertakluk kepada budi bicara dan had TNGD) dari Touch ‘n Go eWallet masing-masing dan selepas itu, semua bayaran-bayaran relevan akan dipotong secara automatic (tanpa memerlukan TNGD untuk mendapatkan kebenaran tambahan daripada Pengguna tersebut) daripada Akaun Pengguna tersebut atau kaedah-kaedah pembiayaan yang lain yang “dihubungkan” kepada Akaun tersebut untuk dibayar kepada peniaga yang relevan. |
| **“Tambah Nilai Automatik”** | bermaksud ciri-ciri dalam Aplikasi MA yang membenarkan anda untuk menggunakan kad kredit yang didaftarkan untuk dicaj secara automatik bagi tujuan menambah nilai Akaun anda apabila Baki Sedia Ada menjadi kurang daripada jumlah minimum yang dipilih oleh anda; |
| **“Baki Sedia Ada”** | bermaksud jumlah wang dalam kredit di Akaun anda, yang tersedia untuk anda digunakan tertakluk kepada Had Akaun dan Had Urus Niaga yang dikenakan di sini; |
| **“Bank"** | bermaksud Bank yang telah diberikuasa dan dilantik oleh TNGD untuk bertindak sebagai ejen kiriman wang bagi Perkhidmatan ini; |
| **“CSA”** | bermaksud ejen perkhidmatan pelanggan TNGD yang boleh dihubungi di +603 5022 3888; |
| **“Account Verification (eKYC)”** | bermaksud suatu proses elektronik untuk mengesahkan identiti pengguna dengan mengesahkan butiran peribadi pengguna; |
| **“Face Verification”** | bermaksud teknologi pengecaman wajah dan pengesahan yang boleh digunakan untuk menggantikan kaedah pengesahan lain; |
| **“Produk Kewangan”** | bermaksud sebarang produk kewangan termasuk tetapi tidak terhad kepada pinjaman peribadi; |
| **“GO+”** | bermaksud ciri TNG eWallet baru yang membolehkan baki dalam akaun GO+ anda memperoleh potensi pulangan. Dana asas (*Underlying Fund)* untuk GO + adalah Principal e-Cash - dana pasaran wang yang diuruskan oleh Principal Asset Management Berhad yang bertujuan untuk memberikan kecairan (*liquidity)* dan pendapatan kepada pelabur. Baki dalam akaun GO+ tidak boleh dianggap |

sebagai wang electronic, deposit; dan tidak dijamin modal atau dilindungi oleh PIDM;

**“Produk Pelaburan”** bermaksud apa-apa instrumen kewangan dan/atau pelaburan yang mungkin membayar faedah, dividen atau pengguna boleh memperoleh keuntungan dari instrumen kewangan tersebut sama ada dari TNGD atau mana-mana rakan pelaburan dan/atau peniaga;

**“Mini Program” or “Mini Program Platform” or “Platform Program Mini”** bermaksud “*app eco-system*” aplikasi yang dikenali sebagai program mini yang terdapat di Touch ‘n Go eWallet yang mana peniaga boleh:

(i) mempunyai akses ke pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh TNGD, termasuk tetapi tidak terbatas kepada, fungsi dan ciri-ciri pengembangan untuk tujuan mencipta "sub-aplikasi" di Platform Program Mini; dan

(ii) untuk mempromosikan dan membekalkan barang dan / atau perkhidmatan mereka kepada anda;

**“Pembayaran MA”** bermaksud perkhidmatan wang secara elektronik (*e-money*) melalui Aplikasi MA yang ditawarkan oleh TNGD kepada anda;

**“Sistem Pembayaran MA”** bermaksud sistem Pembayaran MA yang digunakan oleh TNGD untuk menyediakan Perkhidmatan tersebut termasuklah sistem platform pembayaran yang ditugaskan oleh TNGD untuk memudahkan pembayaran barangan dan perkhidmatan;

**“Tambah Nilai Manual”** bermaksud ciri dalam Aplikasi MA yang membolehkan anda menambah nilai Akaun anda secara *manual* termasuk tetapi tidak terhad kepada cara-cara berikut apabila Baki Tersedia anda berada di bawah Had Akaun:-

(a) melalui kad debit atau kredit;
(b) melalui perbankan *online;*
(c) melalui TNG Reload *Pin*; atau
(d) melalui kaedah lain yang boleh ditetapkan oleh TNGD dari semasa ke semasa;

**“Merchant Dashboard”** bermaksud ciri dwi dalam TNG eWallet yang membolehkan peniaga QR statik mengesan transaksi penjualan dan rekod sejarah dan seterusnya membenarkan kakitangan terpilih mengakses maklumat tersebut;

| | |
|---|---|
| **“Aplikasi Mudah Alih/ Aplikasi MA / Touch ‘n Go eWallet / TNG eWallet”** | bermaksud aplikasi perisian (“*software*”) yang beroperasi pada Peranti MA; |
| **“Peranti Mudah Alih / (Peranti MA)”** | bermaksud peranti pengkomputeran mudah alih seperti *smartphone* atau *tablet* yang digunakan oleh anda untuk Perkhidmatan tersebut; |
| **“Pemindahan Wang”** | bermaksud ciri dalam Aplikasi MA yang membolehkan pemindahan wang daripada satu akaun Touch ‘n Go eWallet kepada akaun Touch ‘n Go eWallet lain; |
| **“Maklumat / Data Peribadi”** | bermaksud maklumat/data anda yang dikumpulkan oleh TNGD untuk menyediakan Perkhidmatan tersebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada nama anda, butir-butir alamat, nombor telefon dan lain-lain; |
| **“Pembayaran Pantas / Quick Reload”** | bermaksud fungsi pembayaran pantas dalam Aplikasi Mudah Alih yang membolehkan anda menggunakan kad debit atau kad kredit yang telah disimpan untuk dicaj secara automatik bagi menambah nilai Akaun anda ketika anda membuat sebarang transaksi yang berkaitandan Baki Sedia Ada dalam Akaun anda tidak mencukupi; |
| **"Quick Reload Payment"** | bermaksud fungsi pembayaran tambah nilai pantas dalam Aplikasi Mudah Alih yang membolehkan anda menggunakan dana di dalam GO+ untuk menambah baki secara automatik ke Akaun anda apabila anda melakukan sebarang transaksi yang berkaitan dan Baki Sedia Ada dalam Akaun anda tidak mencukupi; |
| **"Tambah Nilai"** | bermaksud deposit wang dalam Akaun tersebut (tertakluk kepada Had Akaun) melalui Saluran Tambah Nilai / Pembayaran untuk membolehkan anda menggunakan Perkhidmatan tersebut; |
| **"Saluran Tambah Nilai / Pembayaran”** | bermaksud saluran-saluran (termasuk tetapi tidak terhad kepada kaunter perkhidmatan yang berkaitan, Tambah Nilai Automatik, Tambah Nilai Manual dan apa-apa cara lain yang ditentukan oleh TNGD dari semasa ke semasa) sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh TNGD dimana anda boleh membuat Tambah Nilai dan/atau transaksi Pembayaran; |

| | |
|---|---|
| **“RFID”** | bermaksud satu sistem yang menggunakan *Radio Frequency Identification;* |
| **“RFID Tag”** | bermaksud tag yang dilekatkan kepada kenderaan pelanggan atau pengguna yang membenarkan penggunaan RFID di Malaysia yang mana jumlah wang tersebut akan ditolak dari Baki Sedia Ada anda; |
| **“Pengguna RFID”** | bermaksud pelanggan atau pengguna yang telah berjaya mendaftarkan Tag RFID di dalam kenderaan mereka untuk membenarkan mereka membuat pembayaran tol dan pembayaran-pembayaran lain dengan menggunakan RFID; |
| **“Runcit”** | bermaksud pembayaran untuk pembelian barangan-barangan dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan melalui laman web dalam talian (e-dagang), aplikasi-aplikasi mudah alih, kod QR statik, pembayaran pada terminal-terminal jualan (POS), Mini Program, dan apa-apa kaedah pembayaran lain untuk barangan dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh peniaga tempatan atau luar negara; |
| **“Perkhidmatan”** | bermaksud penyediaan Akaun tersebut dan membolehkannya melakukan Transaksi; |
| **“Terma-terma dan Syarat-syarat”** | bermaksud terma--terma dan syarat-syarat disini untuk Perkhidmatan tersebut sebagaimana yang mungkin diubah atau diubahsuai dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak TNGD; |
| **“TNG”** | bermaksud Touch ‘n Go Sdn Bhd (No. Syarikat 406400-X); |
| **“Kad TNG”** | bermaksud kad tunai elektronik prabayar yang dikeluarkan oleh TNG; |
| **“TNG Reload Pin”** | bermaksud pin tambah nilai fizikal atau digital (maximum 16 angka) yang boleh digunakan untuk Tambah Nilai Akaun anda; |
| **“Transaksi”** | bermaksud transaksi Pembayaran MA yang dilakukan oleh anda melalui Perkhidmatan tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada Runcit, Pemindahan Wang, Produk Pelaburan, Produk Kewangan dan/atau Pengangkutan; |
| **“Had Transaksi"** | bermaksud had transaksi selaras dengan Klausa 1.6disini; |
| **“Transit”** | bermaksud Light Trail Transit (LRT), Monorail, Keretapi Tanah Melayu (KTM), bas dan mana-mana kaedah pengangkutan awam yang lain; |

**“Pengangkutan”** bermaksud RFID, fungsi PayDirect, Transit dan lain-lain bentuk pengangkutan sebagaimana yang ditentukan oleh TNGD dari semasa ke semasa;

**“Hari Bekerja”** bermaksud satu hari selain daripada (a) hari Sabtu dan Ahad; dan (b) mana-mana hari yang diisytiharkan sebagai cuti umum oleh kerajaan dan kerajaan negeri.

## 1. Penggunaan Perkhidmatan

### (A) Akaun tersebut

1.1 Perkhidmatan tersebut disediakan kepada anda oleh TNGD atas budi bicara tunggal dan mutlaknya untuk membolehkan anda melakukan Transaksi-transaksi tersebut.

1.2 Untuk menggunakan Perkhidmatan tersebut, anda perlu memuat turun Aplikasi Pembayaran MA ke dalam Peranti MA anda dan membuka Akaun dengan TNGD. Setelah Akaun tersebut dibuka, anda akan mempunyai Had Akaun sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (**RM200.00**) sahaja.

1.3 Anda boleh meningkatkan Had Akaun anda kepada Ringgit Malaysia Lima Ribu (**RM5,000.00**) sahaja apabila anda berjaya melengkapkan proses Account Verification (eKYC). Anda boleh memilih untuk meningkatkan lagi Had Akaun anda kepada Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (**RM20,000.00**) selepas anda berjaya melengkapkan proses Account Verification (eKYC) dan menggunakan sebarang produk *financial services*.

1.4 Anda dengan ini mengakui bahawa dengan melengkapkan proses Account Verification (eKYC), TNGD boleh menggunakan Maklumat / Data Peribadi anda yang berkenaan untuk tujuan verifikasi dan/atau pengesahan identiti.

1.5 Sekiranya terdapat sebarang masalah dengan fungsi eKYC, sila hubungi CSA untuk mendapatkan bantuan.

1.6 Gambaran kesuluruhan saiz Touch ‘n Go eWallet dan hadnya adalah seperti berikut:

| Peringkat Pengguna | Lite | Pro | Premium | Premium (pemilihan peningkatan had) |
|---|---|---|---|---|
| **Had Akaun** | RM200.00 | RM5,000.00 | RM5,000.00 | RM20,000.00 |
| **Had Transaksi Bulanan** | RM2,000.00 (kecuali pengangkutan) | RM5,000.00 (kecuali pengangkutan) | RM5,000.00 (kecuali pengangkutan) | RM25,000.00 (kecuali pengangkutan) |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Had Transaksi Tahunan** | RM24,000.00 (termasuk pengangkutan) | RM60,000.00 (termasuk pengangkutan) | RM60,000.00 (termasuk pengangkutan) | RM300,000.00 (termasuk pengangkutan) |
| **Fungsi Pemindahan Wang - Keluar** | Tidak Dibenarkan | Dibenarkan | Dibenarkan | Dibenarkan |
| **Fungsi Pemindahan Wang - Penerimaan** | Dibenarkan | Dibenarkan | Dibenarkan | Dibenarkan |

1.7 Memautkan Kad Kredit dan/atau Kad Debit - Anda dengan ini memahami dan mengesahkan bahawa setelah kad kredit dan/atau kad debit anda dipautkan ke Akaun tersebut, anda akan bertanggungjawab dan menanggung rugi sepenuhnya untuk semua Tambah Nilai yang mungkin berlaku.

1.8 Anda dengan ini bersetuju bahawa apa-apa dan semua Tambah Nilai adalah dari (1) sumber dana peribadi anda sendiri atau anda mempunyai semua kuasa dan kebenaran sah untuk menggunakan dana tersebut, dan (2) dana tersebut tidak haram.

1.9 Penggunaan TNG Reload Pin untuk Tambah Nilai Akaun anda adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus (**RM1,500.00**) sahaja setiap bulan kalendar.

1.10 Baki eWallet Boleh Dihantar bermaksud sumber dana dari tambah nilai kad kredit dan sumber-sumber lain yang mungkin ditentukan oleh TNGD dari semasa ke semasa yang melebihi had yang dibenarkan. Baki eWallet Boleh Dihantar tidak boleh digunakan untuk Pemindahan Wang, pemindahan ke akaun luaran (akaun bank atau e-dompet lain), Produk Pelaburan (seperti tetapi tidak terhad kepada GO+), dan/atau produk lain yang mungkin ditentukan oleh TNGD dari semasa ke semasa. Had yang dibenarkan, yang akan diset semula setiap bulan kalendar, akan berkesan berdasarkan peringkat pengguna seperti berikut:

| **Peringkat Pengguna** | **LITE** | **PRO** | **PREMIUM** | **PREMIUM (pemilihan peningkatan had)** |
|---|---|---|---|---|
| Kuota Bulanan | Tiada Kuota Diberi | RM2,000.00 | RM2,000.00 | RM5,000.00 |

1.11 Sekiranya mana-mana peniaga terpilih memberi pilihan bayaran balik berkaitan pembayaran untuk mana-mana pembelian barang-barang dan/atau perkhidmatan sejajar dengan dasar perkhidmatan selepas jualan peniaga tersebut, maka bayaran balik sedemikian akan tertakluk kepada yang berikut:

1.11.1 Proses pembayaran balik adalah tertakluk kepada dasar bayaran balik peniaga dan apa-apa terma dan syarat yang dikenakan ke atas bayaran balik sedemikian;

1.11.2 Akaun anda adalah aktif; dan

1.11.3 Sekiranya baki Akaun anda akan melebihi Had Akaun RM5,000.00 setelah proses pembayaran balik selesai, maka proses pembayaran balik tersebut akan gagal secara automatik. Anda dikehendaki menggunakan kaedah bayaran balik berbeza atau melalui proses lain dari peniaga.

1.12 <u>Fungsi PayDirect</u>

1.12.1 Fungsi PayDirect membenarkan anda untuk memautkan Kad TNG kepada Akaun anda. Selepas anda menyelesaikan proses pautan Kad TNG, anda boleh melaksanakan perkara-perkara berikut:

1.12.1.1 memeriksa baki Kad TNG anda; dan

1.12.1.2 memeriksa transaksi Kad TNG anda; dan

1.12.1.3 apabila anda menjalankan transaksi-transaksi terpilih menggunakan Kad TNG anda, jumlah transaksi tersebut akan dipotong dari Baki Sedia Ada. Sekiranya Baki Sedia Ada anda tidak mencukupi, jumlah transaksi tersebut akan dipotong dari Kad TNG anda.

1.12.2 Selaras dengan fungsi PayDirect, anda dengan ini bersetuju apabila anda menyelesaikan proses pautan Kad TNG, anda membenarkan dan memberi kuasa kepada TNGD untuk memotong jumlah-jumlah relevan daripada Akaun anda untuk dibayar kepada TNG dan/atau peniaga-peniaga relevan apabila Kad TNG yang telah dipautkan digunakan.

1.12.3 Sekiranya anda mengunakan fungsi PayDirect tanpa Baki Sedia Ada yang mencukupi dan jumlah transaksi tersebut tidak dipotong daripada Kad TNG anda disebabkan apa-apa sebab, jumlah transaksi tersebut akan dipotong daripada Akaun anda apabila anda mempunyai Baki Sedia Ada mencukupi.

1.12.4 Anda boleh membatalkan pautan Kad TNG dengan menggunakan fungsi keluarkan kad. Sila ambil perhatian bahawa proses membatalkan pautan Kad TNG boleh mengambil masa sehingga 24 jam dan anda akan masih bertanggungjawab untuk apa-apa bayaran yang dikenakan menggunakan fungsi PayDirect semasa tempoh tersebut

1.12.5 Penggunaan fungsi PayDirect adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Kad TNG seperti yang diterbitkan oleh TNG yang boleh dipinda dari semasa ke semasa. Anda bersetuju untuk mematuhi terma-terma dan syarat-

syarat yang diterbitkan oleh TNG. Terma-terma dan syarat-syarat Kad TNG boleh didapati di www.touchngo.com.my.

1.12.6 TNGD hanya akan bertanggungjawab terhadap apa-apa duit yang dipotong dari Akaun anda. Sila hubungi TNG bagi sebarang masalah atau potongan dari Kad TNG.

1.13 Sekiranya anda membolehkan fungsi Tambah Nilai Automatik, anda dengan ini mengesahkan, membenarkan dan memberi kuasa yang tidak terbatal kepada TNGD untuk mengkreditkan akaun kad kredit anda, bagi setiap jumlah tambah nilai yang telah ditetapkan apabila fungsi Tambah Nilai Automatik tersebut digunakan. Anda selanjutnya bersetuju dan mengaku janji untuk mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak yang mengeluarkan kad kredit tersebut. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, sila hubungi CSA untuk bantuan sekiranya permintaan Tambah Nilai Automatik anda ditolak disebabkan apa-apa sebab. Sekiranya anda telah melanggan GO+, fungsi Tambah Nilai Automatik hanya akan digunakan sekiranya Akaun dan GO+ anda berada di bawah jumlah minimum yang anda pilih.

1.14 Auto Debit

1.14.1 Dengan menggunakan perkhidmatan Auto Debit ini, anda membenarkan TNGD melakukan perkara-perkara berikut:

1.14.1.1 Debit Akaun anda secara automatik apabila menerima arahan daripada peniaga-peniaga yang relevan; dan

1.14.1.2 Membekalkan maklumat relevan seperti data peribadi dan/atau maklumat lain yang diperlukan oleh peniaga untuk membantu proses Auto Debit.

1.14.2 Sekiranya Auto Debit tidak berjaya diproses atau didebitkan atas apa-apa sebab, anda dengan ini membenarkan TNGD untuk membuat satu lagi percubaan mendebitkan amaun tersebut daripada Akaun anda pada tarikh berikutnya tertakluk kepada permintaan daripada peniaga yang relevan.

1.14.3 Anda bertanggungjawab untuk memastikan Akaun anda mempunyai baki mencukupi untuk menggunakan fungsi Auto Debit. Sekiranya baki Akaun anda tidak mencukupi, pembayaran tersebut boleh ditolak oleh TNGD dan anda bertanggungjawab untuk membuat pembayaran kepada peniaga yang relevan. Sehubungan itu, anda membenarkan TNGD untuk memberikan alasan atau sebab penolakan fungsi auto debit kepada peniaga yang relevan.

1.14.4 Anda bersetuju untuk menanggung rugi dan akan sentiasa memastikan TGND ditanggung rugi daripada apa-apa tuntutan, kerugian, kerosakan, kos, dan perbelanjaan yang TNGD mungkin alami disebabkan pemberian kuasa anda dan permintaan kepada TNGD untuk mendebitkan Akaun anda atau sebarang kesilapan dalam pemberian kuasa tersebut disebabkan apa-apa sebab kecuali disebabkan oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja oleh TNGD.

1.14.5 TNGD tidak akan bertanggungjawab disebabkan oleh sebarang kesilapan, pengabaian, keengganan atau pengguguran untuk membuat, atau kelewatan dalam membuat apa-apa bayaran kepada Peniaga.

1.14.6 TNGD mempunyai budi bicara mutlak untuk meluluskan atau menolak permohonan perkhidmatan Auto Debit tanpa menyatakan apa-apa sebab.

1.14.7 TNGD berhak, pada bila-bila masa, tanpa notis kepada anda, menamatkan perkhidmatan Auto Debit ini tanpa menetapkan apa-apa sebab dan selepas itu, TNGD tidak akan berada di bawah apa-apa tanggungjawab untuk mendebitkan TNG eWallet anda untuk membuat bayaran kepada mana-mana peniaga di bawah perkhidmatan Auto Debit ini. TNGD tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin anda alami.

1.15 Sekiranya anda membolehkan fungsi Pembayaran Pantas, anda dengan ini mengesahkan, membenarkan dan memberi kuasa mutlak kepada TNGD untuk mengecaj kad debit atau kad kredit yang tersimpan bagi semua harga belian untuk menambah baki Akaun anda sekiranya Baki Tersedia anda tidak mencukupi bagi tujuan penyelesaian Transaksi. Anda boleh berhentikan fungsi Pembayaran Pantas di bahagian yang berkaitan di halaman profil anda. Anda juga bersetuju dan menerima untuk mematuhi terma dan syarat yang dikenakan oleh pengeluar kad debit atau kad kredit yang digunakan. Dengan ini dimaklumkan bahawa tidak akan ada bayaran balik terhadap apa-apa jumlah amaun kepada kad debit atau kad kredit yang telah disimpan. Fungsi Pembayaran Pantas hanya terguna pakai untuk Transaksi yang terpilih sahaja.

1.16 Sekiranya anda telah melanggan GO+, fungsi Quick Reload Payment akan diaktifkan secara automatic dan anda dengan ini mengesahkan, membenarkan dan memberi kuasa mutlak kepada TNGD untuk menggunakan dana yang ada di GO+ untuk menambah baki Akaun anda sekiranya Baki Sedia Ada anda tidak mencukupi untuk menyelesaikan Transaksi. Anda seterusnya bersetuju dan berjanji untuk mematuhi terma dan syarat yang berkaitan dengan GO+. Fungsi Quick Reload Payment hanya terguna pakai untuk Transaksi yang terpilih sahaja. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, jika fungsi Quick Reload Payment dan Quick Payment kedua-duanya diaktifkan, fungsi Quick Reload Payment akan diutamakan daripada fungsi Quick Payment.

1.17 Sekiranya anda telah melanggan untuk fungsi Pembayaran Pantas dan Quick Reload Payment, Quick Reload Payment akan diutamakan daripada Pembayaran Pantas.

1.18 Dengan memautkan Tag RFID ke Akaun anda, anda membenarkan dan memberi kuasa kepada TNGD untuk memotong jumlah yang berkaitan dari Akaun anda setelah menerima arahan pengebilan. Penggunaan Tag RFID akan tertakluk kepada terma dan syarat Tag RFID yang berkaitan.

1.19 Dengan memautkan Tag RFID ke Akaun anda atau setelah memberikan butiran kenderaan anda atau maklumat lain ke TNGD, anda membenarkan dan memberi kuasa kepada TNGD untuk menggunakan maklumat anda untuk memberi anda maklumat pemasaran dan promosi serta maklumat mengenai kenderaan anda dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan kenderaan anda.

1.20 Sekiranya kadar pertukaran mata wang asing dikenakan pada Tambah Nilai atau Transaksi yang menggunakan atau di TNG eWallet (misalnya Tambah Nilai menggunakan kad kredit asing) dan kadar pertukaran tersebut tidak diberikan oleh TNGD atau di luar kawalan TNGD, TNGD tidak akan bertanggungjawab untuk menghormati kadar tersebut dan / atau kerugian, kekurangan, atau caj yang dikenakan olehnya kecuali jika dinyatakan sebaliknya oleh TNGD.

1.21 Sekiranya transaksi Runcit melibatkan mata wang asing dan TNG eWallet memaparkan kadar pertukaran mata wang tetap, TNGD akan menghormati kadar tersebut dan dengan meneruskan transaksi Runcit tersebut, anda dianggap bersetuju dengan kadar pertukaran tersebut.

1.22 Penggunaan Alipay Connect adalah tertakluk kepada terma dan syarat lebih lanjut (jika ada) yang mungkin dikenakan oleh peniaga yang berkenaan.

1.23 Dengan mengaktifkan ciri Face Verification, anda dengan ini memberi kuasa dan bersetuju bahawa sebarang arahan atau penggunaan TNG eWallet yang disahkan oleh ciri Face Verification adalah sah dan terikat dan TNGD tidak akan diwajibkan untuk meminta pengesahan bentuk lain. TNGD akan menyimpan salinan butiran biometrik anda yang mungkin diperlukan untuk penggunaan ciri Face Verification. Anda seterusnya mengakui bahawa anda tidak akan mendaftarkan butiran biometrik individu lain untuk tujuan Face Verification dan sekiranya anda mendaftarkan biometrik individu lain, TNGD akan menganggap semua transaksi yang disahkan dengan Face Verification sebagai sah dan terikat.

1.24 Anda mengakui bahawa untuk tujuan keselamatan, TNGD boleh memerlukan anda untuk memberi verifikasi dan/atau pengesahan tambahan dengan apa-apa cara yang boleh ditentukan oleh TNGD.

1.25 Sekiranya anda telah mendaftar sebagai peniaga QR statik secara langsung dengan TNGD, anda mungkin akan diberi akses ke Merchant Dashboard di TNG eWallet yang membolehkan anda mengikuti penjualan di setiap gerai. Penggunaan Merchant Dashboard hanya untuk tujuan rujukan anda sahaja. Segala pertikaian mengenai penjualan harus dirujuk kembali ke ‘merchant agreement’ yang berkaitan. Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa hanya kakitangan yang relevan yang diberi akses ke akaun kakitangan dan TNGD tidak akan bertanggungjawab atas penyalahgunaan Merchant Dashboard dengan apa cara sekalipun. Penggunaan Merchant Dashboard adalah tertakluk kepada segala panduan atau arahan yang mungkin dikeluarkan oleh TNGD dari semasa ke semasa.

1.26 Akaun anda membenarkan penggunaan fungsi-fungsi yang terdapat di Aplikasi MA. Sila maklum bahawa penggunaan Akaun anda dan Perkhidmatan tersebut tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang berkenaan untuk setiap fungsi-fungsi tersebut.

1.27 Anda hendaklah memberikan maklumat yang tepat dan lengkap kepada TNGD dan memaklumkan TNGD serta-merta berkenaan dengan sebarang perubahan kepada mana-mana butiran Maklumat/Data Peribadi anda yang diberikan. Anda boleh mengemaskini dan/atau menukar nombor telefon atau alamat e-mel melalui perkhidmatan kemas kini profil dalam Aplikasi Pembayaran MA. Sekiranya anda ingin mengemaskini dan/atau

mengubah mana-mana butiran Maklumat/Data Peribadi anda selain daripada yang disebutkan di sini, sila hubungi pihak CSA kami. Anda dengan ini mengakui bahawa nama, alamat e-mel dan nombor telefon anda dan apa jua maklumat peribadi lain yang telah anda berikan boleh diberikan n oleh TNGD kepada pihak ketiga atau Bank lain untuk tujuan verifikasi atau tujuan-tujuan lain yang sah.

1.28 Anda hanya berhak miliki satu (1) Akaun. Anda dikehendaki mendaftar Akaun anda pada peranti anda sendiri. Untuk mengelakkan keraguan, setiap nombor mudah alih dan alamat emel hanya boleh digunakan untuk satu (1) Akaun.

1.29 Anda tidak boleh melakukan sebarang penipuan semasa mendaftar untuk Akaun tersebut. Sekiranya TNGD mendapati bahawa anda menyamar sebagai orang lain, sama ada individu atau entiti undang-undang lain, TNGD boleh menamatkan Akaun tersebut serta-merta dan melaporkan aktiviti penipuan itu kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

1.30 Anda hendaklah pada setiap masa bertanggungjawab sepenuhnya untuk merahsiakan dan melindungi maklumat Akaun anda. Anda tidak boleh mendedahkan maklumat log masuk, dan/atau maklumat keselamatan kepada sesiapapun. Sekiranya anda telah salah memasukkan maklumat seperti yang diperlukan, ia boleh mengakibatkan akses kepada Aplikasi MA anda digantung. Untuk mengaktifkan semula akses Aplikasi MA anda, anda boleh mengaktifkannya menerusi Aplikasi MA dengan menekan butang "*Forgot Your Pin*" dan mengikut langkah yang diperlukan. Anda hendaklah bertanggungjawab dan menanggung rugi sepenuhnya terhadap apa jua penggunaan dan penyalahgunaan Akaun anda dan semua aktiviti-aktiviti yang berlaku dibawah Akaun anda.

1.31 Akaun tersebut tidak boleh dipindah milik atau diserahhak kepada mana-mana pihak ketiga dan hendaklah digunakan secara eksklusif oleh anda. Akaun tersebut tidak boleh dicagarkan atau digunakan dalam apa jua cara sekalipun oleh anda sebagai sebarang bentuk instrumen jaminan untuk sebarang tujuan.

1.32 Anda boleh menambah nilai Akaun tersebut anda apabila Baki Sedia Ada anda menjadi kurang daripada Had Akaun dan anda boleh pada bila-bila masa menggunakan Perkhidamatan tersebut tertakluk kepada Baki Sedia Ada anda dan sehingga Had Transaksi. Pengenaan Had Akaun dan Had Transaksi adalah untuk mengelakkan sebarang penipuan dalam Transaksi, Transaksi yang menyalahi undang-undang atau Transaksi yang tidak sah termasuk tetapi tidak terhad kepada perlanggaran preaturan-peraturan dan garis-garis panduan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan AMLATFPUAA.

1.33 Dengan mendaftarkan Akaun tersebut, anda membenarkan TNGD untuk bergantung dan mengambil tindakan keatas semua komunikasi dan arahan yang diberikan oleh anda. Transaksi-transaksi tersebut tidak semestinya dibuat secara serentak dengan sebarang rahan yang diberikan pada bila-bila masa. Walaupun Akaun dan/atau Perkhidmatan tersebut boleh diakses di luar waktu Hari Bekerja, arahan tertentu hanya boleh diproses pada Hari Bekerja.

1.34 Rekod kesemua Transaksi yang disahkan melalui kaedah yang ditetapkan adalah terikat dan menjadi bukti yang konklusif untuk Transaksi anda. Sebarang maklumat, arahan dan/atau pengesahan yang dihantar dari Peranti MA melalui Akaun tersebut akan dianggap telah dikeluarkan oleh anda walaupun maklumat, arahan dan/atau pengesahan

tersebut mungkin dikeluarkan oleh pihak ketiga, sama ada dibenarkan atau tidak, TNGD akan menganggap bahawa Perkhidmatan tersebut telah diakses dengan sah dan Transaksi yang dilakukan adalah sah. TNGD tidak akan melayan sebarang permintaan untuk membalikkan Transaksi yang disalahlaku sekiranya Transaksi tersebut telah disahkan melalui kaedah yang ditetapkan.

1.35 Anda boleh melihat sejarah Transaksi anda sehingga sembilan puluh (90) hari sebelumnya dengan melog masuk ke Aplikasi Pembayaran MA. Anda hendaklah selalu log masuk ke dalam Aplikasi Pembayaran MA untuk menyemak sejarah Transaksi anda dan untuk memastikan bahawa tidak ada sebarang Transaksi yang tidak dibenarkan. Anda hendaklah menyemak dan mengesahkan semua Transaksi anda termasuk, tanpa batasan, jumlah dan maklumat penerima. Setelah menerima permintaan anda secara bertulis, TNGD atas budi bicara mutlaknya boleh memberikan anda pernyataan Akaun tersebut, rekod dan butiran Transaksi anda secara fizikal dengan syarat, butiran-butiran yang diminta adalah berkaitan dengan Transaksi yang tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan.

1.36 Walauapapun yang terkandung dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, TNGD boleh menolak mana-mana arahan anda berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan tersebut atau sebarang Transaksi, jika:-

(a) Perkhidmatan tersebut melanggar mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung dinyatakan disini; atau

(b) TNGD mengesyaki bahawa arahan mungkin dikeluarkan secara penipuan atau telah mengenalpasti bahawa penggunaan Perkhidmatan tersebut menimbulkan risiko kepada Sistem Pembayaran MA.

1.37 Sekiranya Peranti MA anda tidak menyokong teknologi yang berkenaan, anda mungkin tidak dapat menggunakan Perkhidmatan ini (atau mana-mana bahagiannya) atau mengakses laman web TNGD atau mana-mana bahagiannya.

1.38 Anda tidak berhak untuk menerima apa-apa faedah atau keuntungan lain dalam apa jua cara sekalipun berhubung dengan Perkhidmatan ini.

1.39 TNG Reload Pin tidak boleh dijual semula, dikembalikan, ditukarkan, dan tidak boleh digantikan apabila dibeli. Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang kerosakan, kecacatan, kehilangan, kecurian dan/atau tamat tempoh TNG Reload Pin. Untuk mengelakkan keraguan, TNGD tidak akan membayar balik, menukar dan/atau mengganti TNG Reload Pin untuk apa jua sebab.

1.40 TNGD tidak membuat sebarang jenis representasi atau jaminan secara nyata atau tersirat berhubung dengan barang atau perkhidmatan yang menjadi subjek Transaksi termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kualiti, kebolehdagangan, keselamatan, dan / atau kesahannya. Untuk mengelakkan keraguan, TNGD tidak membuat jaminan atau pernyataan mengenai keuntungan mana-mana produk kewangan.

Akaun Dorman

1.41 Jika tiada transaksi pada Akaun anda dan/atau anda tidak log masuk ke Akaun anda untuk tempoh 365 hari berturut-turut, Akaun anda akan digantung dan dianggap sebagai akaun dorman. Jika tiada transaksi untuk tempoh 180 hari berturut-turut selepas Akaun anda digantung, Akaun anda akan disekat.

1.42 Sekiranya anda berhasrat untuk mengaktifkan semula Akaun anda, anda boleh berbuat demikian seperti berikut:

(a) Untuk akaun yang digantung kerana tidak aktif: Anda dikehendaki untuk menambah nilai sebarang jumlah ke Akaun anda dengan menggunakan saluran tambah nilai yang tersedia; atau

(b) Untuk akaun yang disekat kerana tidak aktif: Anda dikehendaki mengemaskini nombor telefon mudah alih anda di halaman log masuk Touch ‘n Go eWallet.

1.43 Tertakluk kepada Klausa 1.41, yuran dorman tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Dua dan Sen Lima Puluh (RM2.50) sahaja akan dikenakan untuk setiap tempoh 365 hari berturut-turut yang akan ditolak daripada Baki Tersedia anda selagi Akaun anda masih tidak aktif. Yuran dorman tahunan tidak akan dikembalikan selepas ia telah dikenakan dan ditolak daripada Akaun anda.

1.44 Sebarang baki dalam Akaun anda selepas tujuh (7) tahun tidak aktif akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut*.*

**2. Tanggungjawab Anda**

2.1 Anda hendaklah:-

(a) memastikan bahawa anda akan menggunakan Akaun anda dan TNG eWallet sebagaimana sepatutnya terutamanya untuk pembayaran, pelaburan, dan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, TNG eWallet disediakan kepada anda oleh TNGD atas budi bicara tunggal dan mutlaknya untuk membolehkan anda melakukan Transaksi dan tidak boleh digunakan di luar penggunaan sebagaimana sepatutnya.

(b) memastikan bahawa anda telah memuat turun atau akan memuat turun Aplikasi MA daripada Google Play Store, Apple App Store, atau Huawei AppGallery. Anda tidak boleh memuat turun Aplikasi MA dari mana-mana sumber lain. Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin anda alami dalam apa jua keadaan sekiranya anda melanggar syarat-syarat klausa ini;

(c) memastikan bahawa anda tidak menggunakan Aplikasi MA pada mana-mana peranti yang diubahsuai secara tidak sah seperti peranti *jailbroken*, peranti *rooted* atau mana-mana peranti yang telah diubah dalam apa jua cara sekalipun. Sekiranya anda menggunakan peranti sedemikian, TNGD tidak akan bertanggungjawab sama sekali untuk apa-apa dan semua kerugian atau kerosakan yang mungkin anda alami termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian kewangan dan/atau maklumat;

(d) memastikan keserasian Peranti MA anda dengan Sistem Pembayaran MA. Sekiranya apa-apa perubahan atau peningkatan diperkenalkan kepada Sistem Pembayaran MA, anda hendaklah memastikan keserasian berterusan Peranti MA anda dan bertanggungjawab terhadap semua peralatan dan Aplikasi MA yang perlu untuk penggunaan Perkhidmatan tersebut. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk integriti kesemua maklumat dan data yang dihantar, didedahkan dan/atau diperolehi melalui penggunaan Perkhidmatan tersebut atau yang disiarkan oleh anda atau sesiapa yang menggunakan Peranti MA anda;

(e) menggunakan Perkhidmatan tersebut dengan suci hati, niat baik dan mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat dan semua undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut, (termasuk tetapi tidak terhad kepada Kaedah dan Peraturan/Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Wang Tak Dituntut 1965, AMLATFPUAA) dan semua undang-undang subsidiari, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, notis, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan, pihak berkuasa dan agensi-agensi kawal selia, dan/atau mana-mana notis, arahan, garis-garis panduan yang diberikan oleh TNGD berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut yang boleh dipinda dari semasa ke semasa; dan

(f) mengambil semua langkah-langkah yang munasabah untuk mencegah penipuan, penyalahgunaan dan penggunaan yang melanggar undang-undang Akaun dan/atau Perkhidmatan tersebut dan kecurian atau kehilangan Peranti MA anda dan dengan serta-merta memberitahu pihak CSA kami setelah mengetahui bahawa adanya penipuan, penyalahgunaan atau penggunaan yang melanggar undang-undang, kecurian, kerugian, atau sebarang kejadian-kejadian lain yang menyalahi undang-undang. Anda hendaklah, jika diarahkan oleh TNGD, membuat laporan polis berkenaan dengan kejadian tersebut dan memberikan TNGD sesalinan laporan tersebut yang telah diakui sah.

2.2 Anda tidak boleh:-

(a) menggunakan Perkhidmatan tersebut untuk apa-apa tujuan yang bertentangan dengan kepentingan awam, ketenteraman awam atau keharmonian negara atau untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada maksiat, perjudian atau tujuan jenayah lain atau menghantar apa-apa kandungan yang menyinggung moral, agama, komunal atau alasan politik, atau yang menganiaya, memfitnah atau tidak senonoh, lucah atau bersifat mengancam atau dengan cara lain yang mungkin menyebabkan aduan, tuntutan, pertikaian, penalti atau liabiliti kepada TNGD; dan

(b) menggodam, mengakses, mengganggu, melanggar atau memintas sebarang pengesahan atau keselamatan mana-mana pihak, rangkaian atau akaun TNGD atau sistem komputer milik pembekal atau mengganggu perkhidmatan kepada mana-mana pengguna, hos atau rangkaian, termasuk, tanpa had, menghantar virus.

2.3 Anda mengakui bahawa Perkhidmatan tersebut adalah dan hendaklah kekal pada setiap masa milik TNGD dan anda hendaklah:-

(a) melaksanakan semua penjagaan dan ketekunan wajar dalam penggunaan dan penyelenggaraan Akaun dan Perkhidmatan tersebut; dan

(b) tidak mengubah atau membenarkan sesiapa sahaja untuk mengubah Peranti MA, Akaun tersebut dan/atau Perkhidmatan tersebut (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perisian dan data yang direkodkan dalam Pembayaran MA) dalam apa-apa cara sekalipun. Mengubah data dalam Pembayaran MA boleh menjadi satu kesalahan jenayah dan TNGD tidak akan melunaskan sebarang Transaksi dan faedah, sekiranya Akaun dan/atau Pembayaran MA anda dan/atau Kad TNG telah diubah. TNGD berhak untuk mendapatkan semula semua kos, perbelanjaan, kehilangan dan kerugian yang munasabah yang ditanggung oleh TNGD (termasuk semua perbelanjaan undang-undang yang munasabah) akibat daripada pengubahan atau gangguan anda atau dengan membenarkan pihak ketiga untuk mengubah atau mengganggu data pada Akaun anda dan/atau Pembayaran MA dan/atau Kad TNG.

## 3. Privasi

3.1 Klausa 3 di sini hendaklah dibaca bersama dengan TNGD Group Privacy Policy yang boleh didapati di laman web TNGD. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, sebarang penafsiran atau pembinaan Klausa ini dan TNGD Group Privacy Policy hendaklah dibaca bersama untuk memberi maksud komersial yang terbaik.

3.2 Anda bersetuju bahawa dengan mendaftar untuk Akaun tersebut, anda bersetuju untuk Maklumat Peribadi/Data anda digunakan dan/atau didedahkan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

3.3 Maklumat Peribadi/Data yang diberikan oleh anda boleh disimpan dalam pangkalan data dan TNGD boleh menggunakan, menyimpan, menganalisis dan memindah dan/ atau bertukar maklumat tersebut dengan semua orang yang dianggap perlu. TNGD boleh menggunakan, mendedahkan kepada pihak ketiga dan memproses Maklumat Peribadi/Data anda yang telah diberikan oleh anda kepada TNGD bagi tujuan-tujuan berikut:-

(a) memproses permohonan anda dan menyediakan anda dengan perkhidmatan /produk TNGD termasuklah perkhidmatan dan produk daripada pembekal luar yang lain yang disediakan melalui TNGD;

(b) untuk membolehkan komunikasi;

(c) mengurus hubungan anda dengan TNGD dan Akaun tersebut;

(d) untuk tujuan pentadbiran dan perkara-perkara sampingan lain yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan yang berkaitan dengan TNGD; dan

(e) menghantar kepada anda maklumat pemasaran, pengiklanan dan promosi berkenaan dengan produk/perkhidmatan yang TNGD dan syarikat-syarikat bersekutu, syarikat-syarikat berkaitan dan pembekal/agen perkhidmatan pihak ketiga tawarkan atau yang mana TNGD percaya boleh memberi kepentingan dan

manfaat kepada anda. Di samping itu, syarikat yang berkaitan (*related, affiliated and/or associated*), peniaga dan rakan kongsi strategik kami mungkin menghubungi anda tentang produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami percaya mungkin menarik minat anda atau boleh memanfaatkan anda. Anda berhak untuk menarik diri daripada menerima mesej-mesej pemasaran ini. Sekiranya anda ingin menarik diri daripada menerima mesej-mesej pemasaran, sila layari laman profil anda didalam Aplikasi Pembayaran MA dan ikuti arahan yang dinyatakan. Sekiranya anda tidak menarik diri daripada menerima mesej-mesej pemasaran ini, anda akan dianggap telah bersetuju untuk menerima mesej-mesej tersebut dari TNGD, syarikat yang berkaitan (*related, affiliated and/or associated*), peniaga dan/atau rakan kongsi strategik kami.

3.4 TNGD boleh memantau dan merekodkan kesemua Transaksi dan komunikasi yang boleh berlaku antara TNGD dan anda untuk keperluan perniagaan TNGD (termasuk tetapi tidak terhad kepada kawalan kualiti dan latihan, pencegahan penyalahgunaan sistem telekomunikasi TNGD, memastikan keberkesanan operasi sistem dan pencegahan dan pengesanan jenayah).

3.5 Anda dengan ini bersetuju, membenarkan dan mengizinkan TNGD untuk mengekstrak, mendedahkan dan melepaskan sebarang maklumat didalam simpanan TNGD yang berkaitan dengan anda (termasuk Maklumat Peribadi/Data anda), butir-butir Transaksi atau mana-mana akaun yang ditetapkan yang berkaitan dengan Transaksi atau apa-apa data lain yang diperlukan untuk tujuan penyiasatan sebarang tuntutan atau pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Transkasi atau untuk digunakan sebagai bukti di mahkamah atau sekiranya disyaki ada penyalahgunaan Perkhidmatan tersebut. Anda dengan ini bersetuju bahawa sekiranya berlaku pertikaian atau sebarang tuntutan yang timbul berkenaan dengan mana-mana Transaksi, rekod-rekod Transaksi yang sedia ada daripada TNGD hendaklah digunakan sebagai rujukan tunggal dan menjadi asas bagi penyelesaian pertikaian atau tuntutan itu. Akujanji dan kebenaran anda di bawah Klausa ini akan kekal terus selepas penamatan Perkhidmatan tersebut.

3.6 Di samping kelas pengguna yang seperti yang dinyatakan di sini, kelas pengguna yang TNGD boleh mendedahkan Maklumat Peribadi/Data anda adalah seperti berikut:

(a) syarikat-syarikat yang berkaitan dengan TNGD;
(b) Orang / Organisasi yang dikehendaki di bawah undang-undang atau di mana pendedahan diperlukan untuk tujuan pematuhan undang-undang yang berkaitan atau sebagai respons kepada permintaan pihak berkuasa yang berkaitan;
(c) Agensi kerajaan, badan berkanun, agensi penguatkuasaan di bawah undang-undang; dan
(d) kontraktor, pembekal perkhidmatan atau produk, perunding, juruaudit, akauntan, peguamcara dan penasihat TNGD.

3.7 Maklumat Peribadi/Data yang diminta oleh TNGD adalah mandatori di mana anda perlu berikan dan bersetuju dengan pemprosesan Maklumat Peribadi/Data tersebut. Sekiranya anda membuat keputusan untuk tidak memberikan mana-mana atau semua Maklumat Peribadi/Data yang diperlukan, TNGD tidak dapat meneruskan dengan peruntukan Perkhidmatan.

3.8 Tertakluk kepada peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, anda mempunyai hak untuk mengakses Maklumat Peribadi/Data anda dengan meminta salinan Maklumat Peribadi/Data anda dan permintaan untuk membetulkan atau mengemaskini Maklumat Peribadi/Data anda. Anda berhak untuk menarik diri daripada memberikan persetujuan anda terhadap penggunaan dan/atau pendedahan Maklumat Peribadi/Data anda sepertimana dinyatakan di bawah Klausa 3 ini dan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Jika anda ingin menarik diri, sila layari laman profil anda di Aplikasi Pembayaran MA dan ikut arahan yang dinyatakan. Harap maklum bahawa sekiranya anda memilih untuk tidak memberikan persetujuan anda, TNGD tidak akan dapat untuk meneruskan dengan penyediaan Perkhidmatan tersebut kepada anda dan anda tidak akan dapat menggunakan Perkhidmatan ini.

3.9 TNGD mengakui bahawa dokumen atau maklumat yang dikumpul oleh TNGD daripada anda yang berkaitan dengan hal ehwal dan Akaun anda sebagai pelanggan TNGD hanya akan digunakan dan/atau didedahkan mengikut peruntukan kerahsiaan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA).

## 4. Penamatan & Penangguhan

4.1 Walauapapun yang dinyatakan didalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, TNGD boleh dengan serta merta menukar prosedur atau cara operasi Perkhidmatan tersebut tanpa memberi sebarang sebab atau notis kepada anda.

4.2 Sebagai tambahan kepada hak TNGD di bawah Klausa 4.1, TNGD juga berhak untuk menggantung atau menamatkan penggunaan Perkhidmatan tersebut (atau mana-mana bahagiannya, termasuk apa-apa manfaat di bawah Perkhidmatan tersebut) dan akses anda kepada Akaun tersebut serta merta , dengan atau tanpa apa-apa notis kepada anda, apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:-

(a) sekiranya pada pendapat TNGD, terdapat ketidakjujuran, disyaki berlakunya penipuan, penyalahgunaan, tidak digunakan dengan niat baik, tidak digunakan sebagaimana sepatutnya, perlanggaran undang-undang, jenayah atau salah nyata dalam penggunaan Akaun tersebut atau dalam penggunaan Perkhidmatan tersebut oleh anda;

(b) sekiranya anda telah menggunakan Akaun anda atau TNG eWallet digunakan di luar penggunaan sebagaimana sepatutnya seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2.1(a), termasuk tetapi tidak terhad kepada, menggunakan Akaun anda atau TNG eWallet terutamanya untuk mengeluarkan wang seperti menggunakan TNG eWallet sebagai satu medium untuk membolehkan pengeluaran wang dari kad kredit anda, secara langsung atau tidak langsung; atau (ii) membeli TNG Reload Pin melalui sebarang cara dan mengeluarkan wang menggunakan TNG eWallet.

(c) sekiranya anda melanggar atau TNGD mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa anda telah melanggar mana-mana peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, Terma-terma dan Syarat-syarat Kad TNG dan/atau mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat yang berkaitan dengan mana-mana perkhidmatan baru yang disediakan oleh TNGD dari semasa ke semasa, atau terlibat dalam apa-apa kelakuan yang memudaratkan TNGD atau jika pada pendapat TNGD, perbuatan anda memudaratkan kepentingan TNGD;

(d) sekiranya anda telah melanggar mana-mana undang-undang, statut, undang-undang kecil, kaedah dan/atau peraturan yang dikenakan oleh mana-mana pihak, badan kawal selia atau agensi kerajaan;

(e) sekiranya anda telah mengemukakan dokumen palsu atau telah mengisytiharkan maklumat palsu semasa permohonan anda untuk Perkhidmatan tersebut;

(f) sekiranya anda telah bertindak dengan niat buruk atau dengan niat jahat;

(g) jika anda telah disenarai hitam oleh institusi kewangan, bank berlesen atau penerbit e-wang di Malaysia atau di luar negara;

(h) jika anda berasal dari negara yang disekat (*sanctioned)* atau berisiko tinggi;

(i) jika anda termasuk dalam senarai amatan (*watch list*) dalaman kami;

(j) jika nama anda disenaraikan di bawah senarai amatan badan kawal selia (termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai yang berkaitan dengan keganasan (*terrorism*) dan pembiayaan keganasan di bawah AMLAFTPUAA);

(k) jika anda termasuk dalam Specially Designated Nationals (SDN), orang yang terdedah secara politik (PEP), atau senarai saudara-mara atau rakan rapat PEPs (RCA) atau sumber maklumat lain yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, senarai amatan, atau pangkalan data berkaitan yang dikendalikan atau disediakan oleh pihak berkuasa domestik atau asing dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Bank Negara Malaysia (BNM), United Nations Security Council Resolutions (UNSCR), Office of Foreign Assets Control (OFAC), and the Financial Action Task Force (FATF);

(l) jika anda atau Akaun anda telah dikesan melakukan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, penipuan, ketidakjujuran, haram dan aktiviti mencurigakan lain; dan/atau

(m) sekiranya anda gagal untuk memberikan apa-apa maklumat tambahan yang TNGD boleh minta daripada anda dari semasa ke semasa.

4.3 Anda boleh, pada bila-bila masa, menamatkan Perkhidmatan tersebut dengan memberi notis penamatan sedemikian melalui Aplikasi Pembayaran MA sahaja. Sekiranya anda mempunyai sebarang Baki Sedia Ada dalam Akaun tersebut, anda perlu memastikan bahawa anda telah memberikan TNGD butiran akaun bank yang betul dan apa-apa maklumat yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh TNGD untuk membolehkan TNGD memproses penamatan Perkhidmatan tersebut dan membayar balik Baki Sedia Ada ke dalam akaun bank anda dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja. Sekiranya anda tidak mempunyai apa-apa Baki Sedia Ada dalam Akaun tersebut, Perkhidmatan tersebut akan dianggap sebagai tamat sebaik sahaja penerimaan notis penamatan oleh TNGD melalui Aplikasi Pembayaran MA.

## 5. Akibat Penamatan / Penangguhan

5.1 Selepas penamatan Perkhidmatan tersebut oleh TNGD menurut Klausa 4.2, TNGD akan memberitahu anda berkenaan penamatan tersebut dimana, anda perlu memastikan bahawa anda telah memberikan TNGD butiran akaun bank yang betul dan apa-apa maklumat yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh TNGD untuk membolehkan TNGD membayar balik Baki Sedia Ada ke dalam akaun bank anda dalam tempoh dua belas (12) hari bekerja atau dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas penerimaan maklumat bank yang betul dan apa-apa maklumat yang lain yang diperlukan oleh TNGD.

5.2 Sekiranya TNGD menamatkan atau menggantung Perkhidmatan tersebut atau mana-mana bahagiannya menurut Klausa 4, TNGD tidak diwajibkan untuk mengembalikan Baki Sedia Ada sehingga dan melainkan jika kelulusan telah diperolehi daripada pihak berkuasa yang berkaitan, jika berkenaan.

5.3 TNGD tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami oleh anda atas sebab pemberian sebarang maklumat perbankan yang tidak betul oleh anda.

5.4 Peruntukan Klausa 5 ini tidak menjejaskan hak dan remedi TNGD yang lain di bawah Terma- terma dan Syarat-syarat ini atau di sisi undang-undang.

## 6. Pengaktifan Semula

6.1 Sekiranya Akaun tersebut dan/atau Perkhidmatan tersebut telah digantung dan anda meminta untuk mengaktifkannya semula, TNGD boleh mengikut budi bicara mutlaknya mengaktifkan semula Akaun tersebut.

## 7. Bayaran Balik atau Pelarasan Disebabkan oleh Kesilapan

7.1 Sekiranya anda menemui apa-apa kesilapan atau percanggahan dalam Akaun anda, anda mesti menghubungi pihak CSA dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh transaksi yang dipertikaikan, sekiranya anda gagal berbuat sedemikian, anda dianggap telah menerima ketepatan Transaksi anda. Sekiranya penyiasatan TNGD mendapati bahawa Transaksi yang dipertikaikan sesungguhnya dibuat dengan kesilapan, TNGD akan membayar balik jumlah yang dipertikaikan secara terus kepada Akaun anda apabila selesai siasatan yang mana tidak akan melebihi tiga puluh (30) hari dari aduan anda. TNGD berhak untuk tidak membayar balik sebarang jumlah yang dipertikaikan kepada anda sekiranya TNGD percaya bahawa anda telah melakukan perkara yang bertentangan dengan Terma-terma dan Syarat- syarat ini.

7.2 Walau apa pun yang bertentangan yang terkandung di sini, sebarang bayaran balik oleh TNGD tidak akan bermaksud penyiapan siasatan. TNGD mungkin membayar balik jumlah sedemikian kepada Akaun anda berdasarkan keputusan siasatan awal. Selepas penyiapan siasatan penuh, jika ia didapati bahawa anda tidak berhak kepada bayaran balik, TNGD boleh, dalam budi bicara sendiri, sama ada menolak jumlah yang dibayar balik daripada Akaun anda atau menuntut jumlah sedemikian dari anda.

7.3 Sekiranya apa-apa jumlah yang salah telah dipotong dari Akaun anda, TNGD berhak untuk membuat apa-apa pelarasan atau potongan dari Akaun anda seperti yang diperlukan.

## 8. Liabiliti

8.1 Perkhidmatan ini disediakan berdasarkan kepada asas "sebagaimana adanya" (“*as is*”) dan "sebagaimana tersedia" (“*as available*”). TNGD menafikan semua liabiliti dan tidak membuat sebarang jenis representasi atau jaminan secara nyata atau tersirat berhubung dengan Perkhidmatan tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

(a) ketersediaan, kebolehcapaian, ketepatan masa dan penggunaan tanpa gangguan Perkhidmatan tersebut; dan

(b) turutan, ketepatan, kesempurnaan, ketepatan masa atau keselamatan mana-mana data, maklumat yang diberikan kepada anda sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan tersebut.

8.2 TNGD akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa Perkhidmatan tersebut adalah selamat dan tidak boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan.

8.3 Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang dan semua akibat penggunaan atau penyalahgunaan Akaun, maklumat log masuk, dan/atau maklumat keselamatan anda. Anda akan bertanggungjawab terhadap semua kerugian dan pembayaran (termasuk apa-apa jumlah transaksi yang dilakukan tanpa kebenaran anda) disebabkan oleh kecuaian anda atau di mana anda bertindak secara penipuan. Untuk tujuan klausa ini, kecuaian akan dianggap untuk termasuk kegagalan untuk mematuhi mana-mana tugas keselamatan anda yang dinyatakan dalam Terma- terma dan Syarat-syarat ini.

8.4 Walaubagaimanapun, anda tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang disebabkan oleh gangguan sistem, ralat teknikal atau sebarang masalah operasi lain yang berlaku di TNGD, pengendali tol, pedagang, peniaga, atau pihak berkaitan yang terlibat dalam penyediaan Perkhidmatan ini.

8.5 TNGD tidak bertanggungjawab kepada anda dan/ atau kepada mana-mana pihak ketiga yang lain untuk apa-apa kos, kehilangan atau ganti rugi (sama ada secara langsung atau tidak langsung), atau untuk kehilangan pendapatan, kehilangan keuntungan atau apa-apa kerugian berbangkit sama sekali daripada penggunaan Perkhidmatan tersebut anda termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

(a) Akaun anda digodam dan/atau kecurian maklumat log masuk, dan/atau maklumat keselamatan anda; dan/atau

(b) apa-apa pertikaian yang timbul antara anda dan peniaga TNGD berkenaan dengan sebarang aspek, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, isu-isu yang berkaitan dengan kualiti, kebolehdagangan, memenuhi tujuan untuk kegunaan, kuantiti, atau penghantaran; dan/atau

(c) yang diakibatkan dari pembelian atau pelaburan dalam produk kewangan, yang merangkumi jumlah pokok pembelian atau pelaburan produk kewangan tersebut; dan/atau

(d) yang disebabkan oleh pelaksanaan hak TNGD mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan / atau yang timbul dari keingkaran anda.

8.6 Walau apa pun yang bertentangan yang terkandung di sini, liabiliti maksimum TNGD tidak akan melebihi agregat jumlah Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00) sahaja atau jumlah yang bersamaan dengan jumlah agregat Baki Sedia Ada dan deposit (jika ada) dalam Akaun anda pada tarikh tuntutan anda timbul, mengikut mana yang lebih rendah.

## 9. Tanggung Rugi

9.1 Anda akan menanggung rugi dan akan sentiasa memastikan TGND ditanggung rugi daripada apa-apa kerugian, kerosakan, liabiliti atau perbelanjaan, yang timbul daripada apa-apa tuntutan untuk libel, pencerobohan privasi, pelanggaran hak cipta, paten, pelanggaran keyakinan atau kerahsiaan atau pelanggaran mana-mana undang-undang atau apa-apa peraturan yang timbul daripada pelanggaran mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini, daripada penggunaan Akaun dan Perkhidmatan tersebut, daripada kandungan yang dihantar, diterima atau disimpan melalui Perkhidmatan tersebut atau sebahagian daripadanya dan untuk semua tuntutan lain yang timbul daripada apa-apa tindakan atau pengabaian penggunaan anda atau apa-apa penggunaan yang tidak dibenarkan atau eksploitasi Perkhidmatan tersebut atau sebahagian daripadanya.

9.2 Anda dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya dan tidak akan membahayakan TNGD daripada dan terhadap apa-apa tuntutan yang dibawa oleh pihak ketiga yang terhasil daripada penggunaan Akaun tersebut, Perkhidmatan tersebut dan laman web TNGD dan berkenaan dengan semua kerugian, kos, tindakan, prosiding, tuntutan , ganti rugi, perbelanjaan (termasuk kos dan perbelanjaan undang-undang yang munasabah), atau liabiliti, sebagaimana pun yang dialami, atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung oleh TNGD berikutan dengan penggunaan Akaun, Perkhidmatan dan laman web TNGD tersebut, dan/atau pelanggaran atau ketidakpatuhan anda terhadap mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan/atau terma-terma dan syarat-syarat Kad TNG dan/atau mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang berkaitan dengan mana-mana perkhidmatan baru yang TNGD boleh sediakan dari semasa ke semasa.

9.3 Anda akan mempertahankan dan membayar semua kos, ganti rugi, awad, fi (termasuk apa-apa yuran guaman yang munasabah) dan penghakiman yang diberikan terhadap TNGD yang timbul daripada tuntutan di atas, dan hendaklah memberi kepada TNGD berkenaan notis tuntutan-tuntutan tersebut, kuasa penuh untuk mempertahankan, membuat kompromi atau menyelesaikan tuntutan-tuntutan tersebut, dan bantuan yang munasabah yang diperlukan untuk mempertahankan tuntutan tersebut, atas perbelanjaan anda sendiri.

## 10. Undang-Undang Mentadbir

10.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia, dan anda dengan ini tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia.

## 11. Force Majeure

11.1 Tanpa menghadkan keumuman mana-mana peruntukan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, TNGD tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan untuk melaksanakan kewajipannya disini yang disebabkan oleh kuasa Tuhan, pemberontakan atau gangguan awam, operasi ketenteraan atau tindakan pengganas, semua kecemasan, tindakan atau pengabaian Kerajaan, atau mana-mana pihak berkuasa yang berwibawa, masalah buruh atau apa- apa jenis pertikaian, kebakaran, kilat, penenggelaman, letupan, banjir, tindakan atau pengabaian oleh orang atau badan yang mana TNGD tidak mempunyai kawalan atau atas sebarang sebab di luar kawalan TNGD yang munasabah.

11.2 Perkhidmatan ini kadangkala boleh dipengaruhi oleh gangguan yang disebabkan oleh objek di luar kawalan TNGD seperti bangunan, laluan bawah tanah dan keadaan cuaca, gangguan elektromagnet, kegagalan peralatan atau kesesakan dalam Sistem Pembayaran MA. Sekiranya berlaku gangguan tersebut, TNGD tidak akan bertanggungjawab terhadap ketidakupayaan untuk menggunakan atau mengakses Perkhidmatan tersebut atau gangguan Perkhidmatan tersebut.

## 12. Pindaan dan Pengubahsuaian Terma-terma dan Syarat-syarat

12.1 TNGD berhak mengikut budi bicara mutlaknya, dari semasa ke semasa, untuk mengubah, menambah, memadam atau meminda mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau mana-mana bahagiannya dengan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu bagi sebarang perubahan, tambahan atau penghapusan. Jika anda terus menggunakan Perkhidmatan tersebut selepas tarikh efektif mana-mana perubahan, penambahan, pemadaman atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini, anda telah menerima tanpa syarat perubahan, penambahan, pemadaman atau pindaan tersebut. Anda dinasihatkan untuk melayari laman web TNGD dari semasa ke semasa untuk sentiasa mengemaskini diri sendiri tentang variasi Terma- terma dan Syarat-syarat terkini (jika ada).

12.2 Fi dan pembayaran yang dikenakan oleh TNGD menurut Terma-terma dan Syarat-syarat ini boleh berubah dari semasa ke semasa. TNGD akan memberitahu anda tentang sebarang perubahan terhadap yuran dan pembayaran yang dikenakan oleh TNGD dengan memberikan tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari notis sebelum tarikh kuat kuasa terhadap perubahan kepada yuran dan pembayaran.

## 12A. Perkhidmatan Baru

12A.1 TNGD boleh, atas budi bicara tunggal dan mutlaknya, memberikan anda perkhidmatan baru dari semasa ke semasa, dan perkhidmatan baru tersebut akan ditadbir oleh kesemua Terma-terma dan Syarat-syarat yang berkenaan dengan perkhidmatan baru itu.

**13. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) & Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA).**

13.1 TNGD mengakui bahawa dokumen atau maklumat daripada anda yang dikumpul oleh TNGD berkenaan dengan hal ehwal atau akaun sebagai pelanggan TGND akan hanya digunakan dan/atau didedahkan selaras dengan peruntukan kerahsiaan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA).

13.2 TNGD, anak-anak syarikat dan pegawai-pegawainya hendaklah mematuhi kesemua aspek berkenaan dengan semua undang-undang, peraturan, garis panduan dan dasar yang berkaitan AMLATFPUAA, termasuklah semua Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah.

13.3 Tanpa menghadkan keumuman yang disebutkan di atas, setakat mana yang dikehendaki oleh AMLATFPUAA, TNGD hendaklah (a) mengekalkan program pencegahan pegubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan yang mematuhi, dalam semua aspek material, dengan AMLATFPUAA , (b) dalam semua aspek material, bertindak dengan ketekunan wajar yang diperlukan di bawah AMLATFPUAA berkaitan dengan penggunaan Akaun tersebut, termasuk berkenaan dengan asal usul wang yang digunakan oleh anda untuk menambah nilai Akaun tersebut dan (c) mengekalkan maklumat yang mencukupi untuk mengenal pasti anda bagi tujuan pematuhan, dalam semua aspek material, dengan AMLATFPUAA.

13.4 Sekiranya Akaun anda dihentikan, ditamatkan atau digantung oleh TNGD disebabkan oleh transaksi penipuan, menyalahi atau tidak sah dari segi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelanggaran mana-mana undang-undang (termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan/atau AMLATFPUAAatau apa-apa peraturan dan/atau garis panduan yang dibuat di bawahnya), anda tidak berhak untuk mendapatkan apa sahaja wang bayaran balik dan tambah nilai dalam Akaun tersebut dan TNGD boleh menyimpannya bagi tempoh yang tidak ditentukan atau melepaskan kesemua wang dalam Akaun tersebut kepada pihak berkuasa yang berkenaan mengikut undang-undang, peraturan dan/atau garis panduan yang berkenaan. Anda tidak berhak menuntut apa-apa bentuk pampasan bagi apa-apa kehilangan yang timbul darinya daripada TNGD.

**14. Hak Harta Intelek**

14.1 Segala cap dagangan dan hak harta intelek yang digunakan berhubung dengan Perkhidmatan tersebut adalah kepunyaan TNGD.

14.2 Anda mengakui dan bersetuju bahawa semua cap dagangan dan hak harta intelek lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut atau mana-mana bahagiannya, sama ada dikemukakan kepada anda oleh TNGD, pengiklan atau mana-mana pihak ketiga adalah dilindungi oleh hak cipta, cap dagangan, cap perkhidmatan, paten, atau lain-lain hak proprietari dan undang-undang dan dan semua hak-hak TNG di dalamnya terpelihara dengan jelas disini.

**15. Penyampaian Notis**

15.1 TNGD boleh, menurut budi bicaranya sendiri, memberikan notis di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini dengan menyiarkan notis tersebut di laman web TNGD atau mana-mana talian atau medium lain-lain yang mana TNGD boleh memperkenalkan dari semasa ke semasa.

**16. Pengasingan dan Kesan Terma-terma dan Syarat-syarat**

16.1 Jika mana-mana peruntukan yang terkandung di dalam ini tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai, kesahihan dan penguatkuasaan peruntukan yang selebihnya tidak akan memberi kesan atau menjejaskan dalam apa cara sekalipun dan mana-mana peruntukan yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan akan dianggap terbatal.

**17. Penepian**

17.1 Kegagalan TNGD untuk melaksanakan sebarang hak atau peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak akan menjadi pengabaian hak atau peruntukan tersebut, melainkan jika diakui dan dipersetujui oleh TNGD secara bertulis.

**18. Penyerahan Hak**

18.1 Anda tidak boleh menyerah hak atau dengan cara lain memindahkan hak atau kewajipan anda di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau sebahagian daripadanya. TNGD boleh menyerahhak Terma-terma dan Syarat-syarat ini secara keseluruhan atau sebahagiannya kepada mana-mana pihak ketiga mengikut budi bicaranya.

**19. Bahasa**

19.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini juga boleh didapati dalam bahasa Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia atau mana-mana versi lain Terma-terma dan Syarat-syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

**20. Kesan Mengikat (*Binding Effect*)**

20.1 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengikat pengganti hakmilik dan penerima hak yang dibenarkan Anda. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengikat dan untuk faedah dan manfaat pengganti hakmilik dan penerima hak TNGD.

**21. Monetary Authority of Singapore**

21.1 Peruntukan Perkhidmatan tidak memerlukan kelulusan Monetary Authority of Singapore ("MAS") untuk beroperasi. Selaras dengan itu, apa-apa pertanyaan dan / atau penjelasan hendaklah ditujukan terus kepada TNGD dan bukan MAS.

**22. Pertanyaan atau Aduan**

22.1 Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau aduan mengenai Perkhidmatan tersebut, anda boleh menghubungi pihak CSA di +603 5022 3888.

22.2 Sekiranya balasan kepada pertanyaan atau aduan anda tidak memuaskan kepada anda, anda boleh menghubungi badan berikut:-

Bank Negara Malaysia
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Aras Bawah, D Block,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur

Pusat Hubungan (BNMTELELINK)
Tel : 1-300-88-5465
(Antarabangsa: 603-2174-1717)
Faks: 603-2174-1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Ombudsman bagi Perkhidmatan Kewangan (664393P)
(yang terdahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)
Tingkat 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.

**[Pengakhiran kepada Terma-terma dan Syarat-syarat – Versi Bahasa Malaysia]**